



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 8 OGOS 2018 (RABU)**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TAKLIMAT
SH/SUKNS/ BIL.16/2018	Perkhidmatan Penyelenggaraan Portal Rasmi Dan Laman Web Jabatan/ Agensi Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Peringatan : Taklimat adalah diwajibkan. Sebarang rayuan tidak akan diterima. Hanya pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat tidak dibenarkan membeli borang sebut harga.	210102 210103 210104 210105 210106 210108	Tarikh: 13/08/2018 (Isnin) Masa: 11.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Tgkt 3, Blok B, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai **13 Ogos 2018** hingga **21 Ogos 2018** di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.

Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan sijil-sijil tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari 27 Ogos 2018**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran sebut harga.